



Headline: Pemandu rugi RM19,000 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 16 July 2018

Language: Malay  
Section: Jenayah  
Page: 18

## Pemandu rugi RM19,000 ditipu Macau Scam

**Subang Jaya:** Seorang pemandu lori rugi RM19,000 ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis.

Mangsa diperdaya selepas dimaklumkan maklumat peribadinya diguna bagi membuat satu pinjaman peribadi.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Muhammad Azlin Sadari, berkata kejadian pada Jumaat lalu apabila mangsa dihubungi seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai pegawai bank daripada bahagian kawalan kredit.

Katanya, mangsa dimaklumkan pinjaman peribadi berkenaan mempunyai tunggakan dan diminta menjelaskannya dengan segera.

"Mangsa menafikan ada membuat pinjaman sebelum ahli sindiket terbabit memintanya membuat laporan polis menerusi nombor telefon yang diberikan dalam perbualan itu.

"Mangsa kemudian menghubungi nombor diberikan dan dijawab seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai pegawai polis," katanya ketika dihubungi NSTP, di sini, semalam.

### **Perlu kosongkan akaun simpanan**

+ Muhammad Azlin berkata, pegawai polis berkenaan memaklumkan maklumat peribadinya digunakan pihak tertentu bagi membuat pinjaman dan siasatan memerlukan dia mengosongkan akaun simpanan.

Katanya, mangsa dimaklumkan wang itu perlu dipindahkan ke akaun pegawai Bank Negara dan akan dipulangkan sebaik siasatan selesai.

"Mangsa yang percaya terus mengikut arahan ahli itu dan membuat tujuh transaksi pindahan wang yang keseluruhannya berjumlah RM19,000.

"Mangsa hanya sedar ditipu selepas menceritakan bahawa namanya digunakan pihak tertentu kepada sepupunya dan semua wang simpanan sudah dipindahkan ke akaun yang diberikan," katanya.

Menurut Muhammad Azlin, kes disiasat mengikut Seksyen 420 kanun Keseksaan kerana menipu.